

24/09/1999

Perodua perluas pasaran serantau

SESUDAH melalui keadaan terburuk sejak lima tahun kewujudannya iaitu krisis ekonomi Asia mulai pertengahan 1997, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) mempersiapkan diri menghadapi keadaan lebih mencabar pada alaf baru iaitu pembukaan pasaran.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar, berkata krisis 1997-98 mungkin tidak berulang tetapi syarikat akan menghadapi cabaran lebih hebat iaitu pembukaan pasaran serantau menerusi rangka kerja Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003 dan pembukaan pasaran mengikut Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2010.

Tahun 1998 dianggap tempoh terburuk bagi sektor automotif berikutan jualan yang jatuh merudum.

Keseluruhan industri merekodkan penurunan 60 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sehingga suku ketiga 98, jualan bulanan Perodua merosot kepada kira-kira 2,000 unit sebulan berbanding 8,000 unit sebelumnya.

Program Afta membabitkan pengaliran bebas produk di kalangan negara anggota Asean pada kadar tarif rendah iaitu antara 0 peratus hingga 5 peratus.

"Dengan penawaran tarif rendah, kereta dari negara luar terutama Thailand mungkin ditawarkan dengan harga lebih berdaya saing. Justeru Perodua perlu menyediakan diri menghadapi cabaran itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan ulang tahun ke-5 Perodua di Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Pengarah Perodua, Tan Sri Ahmad Azizuddin Zainal Abidin yang mewakili Pengerusi Perodua, Raja Tun Mohar Badiozaman.

Katanya, pembukaan pasaran mungkin lebih buruk daripada masalah 98. Justeru, syarikat mengambil pelbagai pendekatan termasuk meningkatkan latihan kakitangan agar lebih cekap dan berdaya saing.

Ab Rahman berkata, bagi menghadapi cabaran alaf baru dan meningkatkan daya saing, syarikat akan melancarkan kedai elektronik (e-shop) pada 14 Oktober ini. Sistem ini membolehkan kenderaan keluaran syarikat ditempah melalui Internet.

"Oleh kerana pasaran baru pulih, Perodua menangguhkan pelancaran model baru tahun ini kepada Jun 2000 dan satu lagi pada Ogos 2001," katanya tetapi tidak menyatakan model kenderaan berkenaan.

Mengulas mengenai kewujudan Perodua sejak lima tahun lalu, Ab Rahman berkata, syarikat sudah berjaya berdasarkan sambutan kepada kenderaan keluarannya. "Daripada keupayaan keluaran setahun hanya 45,000, kini ia sudah meningkat kepada 120,000 unit setahun.

"Keberanian syarikat melancarkan Kembara ketika krisis ekonomi pada Ogos tahun lalu dan mendapat sambutan amat menggalakkan sekali gus memberi imej baru syarikat. Imej sebegini akan dipertahankan," katanya.

Loji pengeluaran Perodua di Rawang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos 1994 dan pada 29 Ogos, Kancil 660 cc dilancarkan.

Selain Kancil yang dikeluarkan dalam versi 660 cc dan 850 cc, Perodua turut mengeluarkan van Rusa dan kenderaan pacuan empat roda, Kembara.

Perodua kini menguasai kira-kira 30 peratus pasaran industri automotif tempatan berbanding 17 peratus pada 1997. Kelmarin, syarikat itu menyambut penghasilan Kancil ke-250,000.

(END)